

Jilid I
Bil. 1



Hari Isnin
7hb April, 1975


LAPURAN PERSIDANGAN OFFICIAL REPORT

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT
FOURTH LEGISLATIVE ASSEMBLY PENANG

PENGGAL YANG KEDUA
Second Session

MESYUARAT YANG PERTAMA
First Meeting

Jilid I
Bil. 1



Hari Isnin
7hb April, 1975

LAPURAN PERSIDANGAN
OFFICIAL REPORT

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT
FOURTH LEGISLATIVE ASSEMBLY PENANG

PENGGAL YANG KEDUA
Second Session

MESYUARAT YANG PERTAMA
First Meeting

KANDUNGANNYA

UCAPAN TUAN YANG TERUTAMA GABNOR [2]
MEMBENTANGKAN RISALAT-RISALAT [7]
JAWAPAN-JAWAPAN MULUT KEPADA SOALAN-SOALAN [7]
JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS KEPADA SOALAN-SOALAN [27]
RANG UNDANG-UNDANG [65]

PULAU PINANG

DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG KEEMPAT

Laporan Persidangan

PENGGAL YANG KEDUA
MESYUARAT YANG PERTAMA

Hari Isnin 7hb April, 1975

HAZIR :

Yang Berhormat Tuan Speaker (Datuk Harun bin Sirat, D.M.P.N.)

Yang Amat Berhormat Ketua Menteri (Dr Lim Chong Eu)

Yang Berhormat Penasihat Undang-undang (Encik Mohd. Noor bin Haji Ahmad, P.U.P.)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim, D.M.P.N.)

„ „ Kawasan Bertam (Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah, D.M.P.N., A.M.N., J.P.)

„ „ Kawasan Kampung Kolam (Encik Khoo Kay Por, J.P.)

„ „ Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman, A.M.N., P.J.K.)

„ „ Kawasan Sungai Bakap (Encik S.P. Chelliah, J.P.)

„ „ Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Mohamad Noor bin Haji Bakar, P.P.N., J.P.)

„ „ Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong Ewe Leong, A.M.N.)

„ „ Kawasan Tanjung Bungah (Encik Khor Ngak Seng *alias* Khor Gark Kim)

„ „ Kawasan Penaga (Tuan Haji Hassan bin Haji Md. Noh *alias* Mat Noor, P.J.K.)

„ „ Kawasan Bukit Glugor (Encik Tan Gim Hwa, J.M.N.)

„ „ Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali, P.J.K.)

„ „ Kawasan Paya Terubong (Encik Khoo Teng Chye)

„ „ Kawasan Sungai Pinang (Encik Wong Choong Woh, J.P.)

„ „ Kawasan Penanti (Encik Abdullah bin Mohamed, P.P.N.)

„ „ Kawasan Bagan Ajam (Tuan Haji Ibrahim bin Abdul Razak, P.P.N.)

„ „ Kawasan Bagan Dalam (Encik T. Subbiah)

„ „ Kawasan Sungai Nibong (Dr Choong Sim Poey)

„ „ Kawasan Teluk Bahang (Encik Yahya bin Haji Mohamed Yusoff, P.J.K.)

„ „ Kawasan Tasek Glugor (Encik Samsuddin *alias* Md. Noor bin Ahmad)

„ „ Kawasan Sungai Acheh (Encik Ahmad bin Salleh, A.M.N.)

„ „ Kawasan Machang Bubuk (Encik Lim Heng Tee)

„ „ Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun)

„ „ Kawasan Bukit Tambun (Encik Ong Bok Chuan *alias* Ng Swee Ching, A.M.N., P.J.K.)

„ „ Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How)

„ „ Kawasan Pengkalan Kota (Encik C. Y. Choy)

TURUT HAZIR:

Setiausaha, Dewan Undangan Negeri (Encik Lee Thin Pee, P.J.K., P.T.D.)

Dewan bersidang pada jam 10.00 pagi.

1. DOA.

2. UCAPAN TUAN YANG TERUTAMA GABNOR.

Tuan Speaker: Saya dengan sukacitanya memaklumkan bahawa tidak lama lagi Tuan Yang Terutama akan tiba dalam Dewan ini untuk melafazkan ucapannya kepada Dewan.

(Tuan Speaker, di dahului oleh Setiausaha Dewan, menuju ke Bilik Tuan Speaker untuk menyambut Tuan Yang Terutama Gabnor dan Yang Berbahagia Puan Sri Sadiah).

(Tuan Yang Terutama dan Yang Berbahagia Puan Sri Sadiah diiringi oleh Juruiring-Juruiring serta didahului oleh Tuan Speaker dan Setiausaha Dewan, berangkat masuk ke dalam Bilik Persidangan Dewan. Para hadirin berdiri dan tunduk sambil Tuan Yang Terutama dan Yang Berbahagia Puan Sri Sadiah berjalan menuju ke tempat duduk).

Setiausaha Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang Yang Amat Berhormat Ketua Menteri akan menyerahkan surat ucapan kepada Tuan Yang Terutama Gabnor.

Ucapan Tuan Yang Terutama Gabnor.

(Ketua Menteri menyerahkan ucapan kepada Tuan Yang Terutama).

Tuan Yang Terutama Gabnor: Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dan Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri.

Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wataala di atas rahmat, taufik dan hidayahnya. Dengan keizininannya juga saya berpeluang hadir dan berucap pada kali yang pertama di Dewan yang mulia ini kerana merasmikan pembukaan mesyuarat Pertama, Penggal Kedua, Dewan Undangan Negeri yang keempat, yang bermula pada hari ini.

Di Dewan yang mulia ini saya ingin merafakkan junjung kasih ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung di atas limpah kurniannya telah berkenan melantik saya sebagai Gabnor Negeri Pulau Pinang pada 5 haribulan Februari, tahun 1975 ini.

Sebagai Gabnor yang baharu, saya dengan tulus ikhlas ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan dan terimakasih kepada bekas Gabnor Tun Datuk Syed Sheh Barakbah di atas perkhidmatannya yang amat cemerlang terhadap Negeri Pulau Pinang. Maka saya dengan isteri saya, Puan Sri Datin Sadiah berdoa ke hadirat Allah semoga Tun Datuk Syed Sheh Barakbah dan Toh Puan Datin Sharifah Fatimah akan berada di dalam sihat walafiat dan menikmati persaraan yang gembira untuk beberapa tahun yang akan datang.

Kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dan Ahli-ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri suka saya mengucapkan penghargaan saya di atas ikrar mereka untuk berkhidmat kepada Negeri ini dengan penuh taat setia di bawah bimbingan saya sebagai Gabnor.

Adalah menjadi harapan saya semoga rakyat dari semua kaum dan lapisan di Negeri Pulau Pinang akan terus memberi sokongan dengan sepeenuhnya kepada Kerajaan dan Pentadbiran Negeri.

Maka dengan sokongan dari semua Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri yang dipilih dan rakyat Pulau Pinang, saya yakin bahawa Kerajaan saya yang diketuai oleh Ketua Menteri kita yang cergas lagi berdedikasi akan dapat menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawab-tanggungjawab dengan lebih berkesan lagi untuk memajukan dan memperbaiki sosial ekonomi Negeri kita. Kepada sekalian Ahli-ahli Yang Berhormat saya mengucapkan terimakasih, atas kerjasama dan sokongan mereka kepada Kerajaan Pulau Pinang.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terimakasih kepada Kerajaan Pusat kerana sentiasa membantu rancangan-rancangan kemajuan sosial dan ekonomi di dalam Pulau Pinang, khasnya kepada Yang Amat Berhormat Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein, Perdana Menteri kita yang dikasihi. Kita amat terhutang budi kepada beliau di atas inspirasi yang telah diberikannya.

Saya yakin bahawa dengan kerjasama yang lebih rapat di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat, Pulau Pinang akan terus maju dengan pesatnya mengikut Dasar Ekonomi Baru untuk mencapai matlamat nasional bagi mewujudkan satu masyarakat yang adil dan saksama.

Kita mesti sentiasa menggalak dan mengamalkan muhibbah dan harmoni di kalangan rakyat selaras dengan prinsip-prinsip Rukunegara. Penubuhan Majlis Perhubungan Masyarakat di Bandaraya George Town telah menunjukkan setapak lagi kemajuan kita ke hadapan di dalam usaha menyatupadukan rakyat supaya kita segera dapat membina sebuah masyarakat yang bersatupadu. Kita mestilah sentiasa berwaspada terhadap aktiviti-aktiviti kumpulan-kumpulan subversif di kalangan rakyat yang tujuannya semata-mata untuk merosakkan keamanan Negeri kita.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terimakasih kepada anggota-anggota Pasukan Keselamatan di atas peranan mereka yang berani dalam menjamin dan mengukuhkan keamanan dan keselamatan Negeri kita ini. Hanya berasaskan ini sahajalah yang dapat usaha-usaha Kerajaan untuk melaksanakan satu masyarakat yang adil dan saksama yangmana setiap orang Malaysia akan dapat menikmati hak-hak yang boleh dibanggakan sebagai rakyat-rakyat yang taat setia di dalam Negara kita.

Tidak lupa juga saya mengucapkan terimakasih kepada semua pegawai-pegawai Kerajaan Negeri, badan-badan berkanun dan badan-badan sukarela di atas perkhidmatan mereka yang berdedikasi dan bagi menyahut dengan sempurna terhadap cabaran pembangunan.

Kerajaan memandang berat kemungkinan kesan-kesan inflasi dan kemerosotan sedunia terhadap ekonomi Negeri kita. Seterusnya strategi pembangunan kita telah ditumpukan untuk menghadapi dengan berkesan, akibat-akibat kemerosotan ekonomi yang dijangkakan itu. Setakat mana yang boleh, keutamaan akan diberikan kepada projek-projek yang akan menghasilkan pengeluaran makanan yang lebih banyak lagi, khasnya benih-benih tanaman dan ternakan haiwan.

Kerajaan akan terus menggalakkan kemajuan perindustrian supaya dapat memberikan lebih banyak lagi pekerjaan bagi rakyat. Kita akan giatkan lagi rancangan perbandaran desa dan pembaharuan bandar supaya dapat membina dengan lebih pesat lagi asas infrastruktur sosial seperti perumahan bagi golongan-golongan yang berpendapatan rendah, sekolah-sekolah, klinik-klinik dan pejabat-pejabat pos yang memberi perkhidmatan kepada rakyat.

Dengan kerjasama rapat dengan pihak-pihak berkuasa Persekutuan, Kerajaan akan terus mengadakan kawalan yang maksima terhadap harga-harga barang-barang keperluan hidup yang dibeli oleh rakyat. Pada ketika inflasi dan kemerosotan sedunia kita mestilah mengawasi perbelanjaan kita supaya menentukan bahawa kita mendapat faedah yang terbanyak sekali dari tiap-tiap satu sen yang dibelanjakan.

Selaras dengan dasar kita mengenai perindustrian desa dan perbandaran desa, Kerajaan akan memajukan bandar-bandar baru yang sedang dibangunkan di Bayan Lepas dan di Bagan Serai. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terimakasih kepada penduduk-penduduk di dalam kawasan-kawasan ini di atas sokongan dan kerjasama mereka yang rapat dengan Kerajaan. Rakyat telah benar-benar memahami bahawa sungguhpun kemajuan boleh membawa sedikit sebanyak gangguan, namun demikian dasar Kerajaan ialah untuk menempatkan dengan sempurna mereka yang terlibat, mengikut cara yang teratur dan adil, supaya dapat meringankan kesukaran kepada rakyat. Walaubagaimanapun, rakyat mestilah bersungguh-sungguh meng-

harga bahawa kemajuan sosial-sivik yang terbesar seperti ini memerlukan kesabaran dan persefahaman dari pihak mereka supaya Kerajaan boleh melaksanakan dengan berkesan perubahan-perubahan baru ini, terutama sekali memandangkan kepada kewangan terhad yang kita hadapi pada hari ini.

Untuk mengekalkan perkembangan perindustrian, Kerajaan menitik-beratkan industri-industri yang berasaskan pertanian dan industri-industri yang memerlukan kemahiran dan teknologi yang lebih tinggi lagi. Untuk menemui keperluan mempelbagaikan rancangan perindustrian, Kerajaan akan memberi kepada pekerja-pekerja latihan semula di peringkat yang lebih tinggi lagi supaya mereka boleh memperbaiki peluang-peluang pekerjaan mereka. Pada penghujung tahun 1974, telahpun terdiri di dalam kawasan-kawasan perusahaan di Negeri Pulau Pinang sebanyak 91 buah kilang yang memberikan pekerjaan kepada seramai 27,300 orang. Jika dihitungkan dari segi kilang-kilang yang sedang didirikan dan yang telahpun diluluskan untuk ditubuhkan, maka terdapat sebanyak 70 buah kilang tambahan yang akan memberikan peluang-peluang pekerjaan tambahan kepada kira-kira 61,400 orang lagi.

Usaha strategi kita mengenai mempelbagaikan dan memperkembangkan sektor pertanian yang berasaskan perkebunan akan dikukuhkan dengan Rancangan Buku Hijau. Semenjak rancangan ini dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada bulan Disember, 1974, kita telah mendirikan Papan-papan Hijau di dalam 107 Jawatankuasa-jawatankuasa Kemajuan Kampung. Saya menggesa rakyat untuk memberi sokongan penuh mereka kepada Rancangan Buku Hijau ini supaya mereka boleh berdikari dan memainkan peranan di dalam rancangan nasional supaya mendapatkan makanan yang mencukupi diusahakan. Di dalam tiap-tiap kampung terdapat tanah-tanah yang boleh diusahakan dengan lebih lagi untuk membolehkan mereka yang tinggal di dalam kampung-kampung supaya tidak bergantung semata-mata kepada makanan-makanan yang datang dari luar. Rancangan Buku Hijau akan juga membolehkan rakyat berusaha bersama-

sama di dalam semangat gotong-royong supaya dapat mengatasi kesan-kesan stagflasi. Saya sangatlah bergembira memerhatikan bahawa rakyat Pulau Pinang telah memberi sambutan yang baik kepada rayuan yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang dikasihi dan saya berharap bahawa keazaman dan usaha-usaha mereka akan memberi hasil-hasil yang berfaedah terus kepada rakyat nanti, khususnya kepada mereka-mereka di kawasan desa. Kepada mereka sekalian saya mengucapkan terimakasih.

Kerajaan dengan giatnya, akan meluaskan dan memperkuat lagi bidang sektor pembinaan. Matlamat kita adalah untuk memenuhi keperluan-keperluan rakyat bagi 50,000 buah rumah menjelang tahun 1985, mengikut Pelan Induk Pulau Pinang. Peringkat-peringkat pertama projek perumahan yang dikendalikan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang di Bayan Lepas melibatkan 551 yunit rumah yang menelan belanja \$13.1 juta dan di Bagan Serai 313 yunit rumah dengan belanja \$5.86 juta adalah hampir siap dan mendapat sokongan yang amat baik dari rakyat. Bersama-sama dengan pihak-pihak berkuasa Persekutuan, Kerajaan akan mengarahkan projek-projek perumahan Negeri untuk mencukupkan keperluan-keperluan mereka yang datang dari golongan berpendapatan rendah. Tujuan utama ialah untuk menyatupadukan masyarakat supaya rakyat-rakyat dari berbagai-bagai keturunan kaum dan daripada berbagai-bagai peringkat pendapatan boleh tinggal dan berusaha bersama-sama di dalam bandar-bandar baru yang sedang dibangunkan. Dengan cara yang demikian keperluan-keperluan kesemua peringkat rakyat akan dapat dipenuhi oleh Jawatankuasa Perumahan Negeri iaitu melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang.

Saya bergembira memerhatikan bahawa melalui penubuhan hubungan yang baik dengan Kerajaan Australia Selatan, berikutan dari penyamaan bandar-bandar raya George Town dan Adelaide, dua buah syarikat usaha bersama yang serupa telah ditubuhkan, iaitu Australasia Proprietary Limited dan Australasia International Development Sendirian Berhad, di dalam mana PERNAS

mengambil bahagian juga. Antara lain-lain objektif, syarikat-syarikat ini akan mengembangkan sektor pembinaan perumahan dengan satu cara yang akan menggunakan sumber-sumber dan bahan-bahan tempatan dengan sepenuhnya, seperti kayu-kayan dan lain-lain bahan, supaya kita boleh mengawal dan menurunkan harga-harga rumah yang terdapat sekarang.

Kerajaan cukup sedar tentang bahaya-bahaya sivik dan alam sekitar akibat dari kesesakan yang semakin bertambah dalam sistem lalu-lintas yang berlaku kepada masyarakat kita. Oleh itu Kerajaan akan menyusun semula sistem pengangkutan am di dalam Negeri ini supaya dapat memberi cara pengangkutan yang lebih cekap dan ekonomik. Terhadap tujuan ini Kerajaan akan menubuhkan Konsortium Pengangkutan Negeri dengan secepat mungkin. Lebih-lebih lagi Jawatankuasa Kerja Negeri akan melaksanakan satu rancangan untuk membina jalan-jalan raya utama dan jalan-jalan kecil, dengan lebih giat lagi di dalam Negeri ini melalui perundingan yang rapat dengan kedua-dua buah Lembaga-Lembaga Kerajaan Tempatan yang disatukan.

Menyambut rayuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Kerajaan akan berusaha untuk mempergiatkan lagi asas kerjasama daerah dengan negeri-negeri jiran di Utara Semenanjung Malaysia, iaitu Kedah, Perlis dan Perak. Telahpun menjadi lebih jelas bahawa perancangan kemajuan sosial ekonomi mestilah diselenggarakan secara rapat dengan negeri-negeri jiran supaya boleh menggunakan dengan lebih baik lagi sumber-sumber semula jadi untuk mendatangkan faedah yang lebih baik lagi kepada semua penduduk-penduduk di dalam Negeri-negeri tersebut terutama sekali di daerah utara. Kita akan bekerja rapat dengan Kerajaan-kerajaan Negeri Kedah, Perlis dan Perak untuk melaksanakan kemajuan sosial ekonomi mengikut asas daerah supaya sumber-sumber semula jadi seperti air dan tenaga letrik boleh diadakan dengan lebih baik lagi untuk memenuhi kepentingan kesemua Negeri-negeri di dalam daerah ini.

Sambil kita maju di dalam bidang-bidang kemajuan kebendaan, kita jangan lupa bahawa kemajuan-kemajuan sosial kita hanya boleh benar-benar memberi makna kepada rakyat jika kita sentiasa menjaga juga kemajuan rohani mereka. Kerajaan Negeri akan terus menggalakkan perkembangannya mengikut perlembagaan kita dan prinsip-prinsip Rukunegara. Dengan adanya satu masyarakat yang lebih berdisiplin dan satu masyarakat yang lebih kukuh dari segi rohani, kita bolehlah berharap semuga usaha-usaha kita pada hari ini akan menjadi sebahagian dari warisan yang penting bagi jenerasi-jenerasi rakyat Malaysia yang akan datang.

Kerajaan telahpun mengadakan satu tapak seluas 9 ekar untuk membina sebuah Masjid Negeri. Projek ini sedang diusahakan dengan giatnya dan akan dilaksanakan tidak lama lagi. Sebuah Jawatankuasa yang telah ditugaskan bagi membina Masjid Negeri ini telah membuat perakuannya kepada Kerajaan-Kerajaan Negeri dan Pusat yang sama-sama akan mengelolakan pembinaan Masjid ini. Adalah diharapkan, semuga semua orang-orang Islam, di dalam Negeri kita ini, akan bermurah hati segera menghulurkan dermanya bagi Tabung Masjid Negeri. Kita berharap rakyat Pulau Pinang akan menyambut seruan ini dan menghulurkan derma bakti mereka sekadar yang mampu.

Saya yakin bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini akan menjalankan tanggungjawab mereka dengan sepenuhnya, sebagai wakil-wakil rakyat yang dipilih oleh rakyat dalam Negeri ini. Mengikut tradisi demokrasi Dewan Undangan Negeri ini, adalah menjadi harapan saya semuga semua Ahli-ahli yang dipilih akan bekerja bersama-sama untuk menentukan kestabilan, keharmonian dan kemajuan yang berkekalan di dalam Negeri ini.

Saya berharap agar perbincangan-perbincangan Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini akan sentiasa dijalankan dengan semangat berkhidmat kepada rakyat dan untuk menentukan kemajuan pada masa

hadapan bagi mengekalkan dan menjamin taraf hidup yang benar-benar istimewa kepada Pulau Pinang.

Pada akhirnya saya berdoa dan memohon kepada Allah Subhanahu Wataala semua kita akan mencapai matlamat kita membina satu masyarakat yang lebih aman, makmur dan bahagia.

Tuan Speaker: Tuan Yang Terutama, izinkan saya berucap kepada Dewan ini. Ahli-ahli Yang Berhormat, sebentar lagi, Tuan Yang Terutama serta Puan Sri Datin Hajjah Sadiah akan berangkat keluar dari Dewan ini.

Persidangan Dewan adalah ditangguhkan hingga 2.30 petang ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat dan tamu-tamu dijemput menikmati jamuan yang akan dihidangkan di Bangunan Dewan ini. (Tuan Speaker mengumumkan keberangkatan Tuan Yang Terutama Gabnor dan Yang Berbahagia Puan Sri Sadiah. Tuan Yang Terutama dan Yang Berbahagia Puan Sri Sadiah diiringi oleh Juruiring-Juruiring keluar dari bilik Dewan dan di dahului oleh Tuan Speaker dan Setiausaha Dewan).

Dewan ditangguhkan pada jam 10.30 pagi.

Dewan bersidang semula pada jam 2.30 petang.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Tuan Speaker, di atas Peraturan 9 saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan kepada pagi esok jam 9.30. Di sini saya mempunyai tiga sebab dan bolehlah memberi sokongan kepada cadangan saya.

Sebab yang pertama: Semua Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini tahu iaitu Tuan Yang Terutama Gabnor baru telah datang ke Dewan ini untuk memberi ucapan beliau. Saya berharap Dewan ini boleh memberi penghormatan kepada Tuan Yang Terutama Gabnor baru. Dengan izin: To show our respect and honour to His Excellency the new Governor there is nothing we can do better than to adjourn the House this afternoon. Dengan sebab itu, Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan boleh memberi penghormatan

kepada Tuan Yang Terutama Gabnor baru.

Sebab yang kedua: Tuan Speaker, semua Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini telah tahu bahawa Mesyuarat Pertama bagi Penggal Yang Pertama Dewan Undangan Negeri, Pulau Pinang Yang Keempat—dahulu ada dua mesyuarat—dapat dua hari bagi satu mesyuarat. Saya ingat Mesyuarat Yang Pertama bagi Penggal Kedua boleh dapat dua atau tiga hari sahaja. So there is no urgency, Tuan Speaker, to rush through this Sitting with this afternoon's Meeting, especially when we feel rather sleepy and tired in the afternoon.

Sebab yang ketiga: Tuan Speaker, ialah satu sebab yang mustahak. Sebab apa ini satu sebab yang mustahak? Tuan Speaker, semua Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini tahu bahawa Yang Amat Berhormat Ketua Menteri selalu bercakap dalam Dewan ini iaitu semua Ahli Yang Berhormat hendaklah bekerjasama untuk mengwujudkan Kerajaan *honest, constructive criticism*.

Tuan Speaker, pagi tadi semua Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini telah mendengar ucapan Tuan Yang Terutama Gabnor. Bila datang pada waktu petang kita ada sedikit masa sahaja untuk makan dan tidak ada masapun untuk *study* atau baca ucapan Tuan Yang Terutama Gabnor. Oleh sebab itu, kalau kita tidak mempunyai masa untuk membaca dan memikirkan tentang ucapan Tuan Yang Terutama Gabnor, bagaimana kita boleh buat satu *constructive and honest criticism*. Malam ini, semua Ahli Yang Berhormat tahu kita hendak beri satu jamuan makan gembira kepada Tuan Yang Terutama Gabnor baru. Dengan ini juga tidak ada masa malam ini untuk kita *study* dan memikirkan tentang *His Excellency's gracious speech*. Oleh sebab itu, saya minta semua Ahli Yang Berhormat memberi sokongan kepada cadangan saya ini. Terimakasih, Tuan Speaker.

Tuan Speaker: Permohonan Yang Berhormat itu saya tidak bersetuju. Oleh itu, saya tidak benarkan usul itu.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): No reason? Short-cut.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong): You gave no reason in your proposal.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): No need to give a reason?

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong): You are giving excuses only; not reasons.

3. MEMBENTANGKAN RISALAT-RISALAT.

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, saya mohon membentangkan di atas meja Dewan Kertas-kertas Bilangan 1 hingga 6, tahun 1975, seperti yang tersenarai dalam Susunan Urusan Mesyuarat. Datuk Yang Dipertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 22 (1) saya mengarahkan Yang Berhormat Encik T. Subbiah membentangkan Risalah Bilangan 7, tahun 1975.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Encik T. Subbiah): Datuk Yang Dipertua, saya mohon membentangkan di atas meja Dewan, Kertas Bilangan 7, tahun 1975, iaitu Lapuran Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat.

4 (A). JAWAPAN-JAWAPAN MULUT KEPADA SOALAN-SOALAN.

(I). Ahli Kawasan Bagan Ajam (Tuan Haji Ibrahim bin Abdul Razak) bertanya kepada Ketua Menteri:

1. Didapati tidak ada bilangan bas yang mencukupi bagi membawa penuntut-penuntut dari Taman Senangan, Bagan Ajam, Bagan Jermal, Jalan Mohd. Saad, Kubang Buaya, Maklom, Sungai Puyu ke sekolah-sekolah mereka di Pulau Pinang.

Apakah satu tindakan pihak yang berkuasa supaya dapat bas-bas itu dapat menyelaraskan bas dengan perhিতungan penuntut-penuntut?

- (1. It has been found that the number of buses taking pupils from Taman Senangan, Bagan Ajam, Bagan Jermal, Jalan Mohd. Saad, Kubang Buaya, Maklom, Sungai Puyu to schools in Penang Island is not adequate.

What is the action taken by the authority concerned to cater for the bus services to suit the needs of such pupils?)

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, masalah pengangkutan adalah satu masalah Negara yang rumit. Kuasa mengeluarkan lesen-lesen adalah termasuk dalam bidang kuasa Kerajaan Pusat dan adalah difahamkan pada masa sekarang Pihak Berkuasa yang berkenaan telah mengeluarkan banyak lesen-lesen bagi Pengusaha-pengusaha Bas Sekolah Persendirian untuk mengangkut budak-budak sekolah. Ini adalah untuk mengurangkan masalah pengangkutan yang dihadapi oleh murid-murid sekolah disebabkan kekurangan perkhidmatan bas-bas sekolah syarikat pengangkutan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Tuan Speaker, soalan tambahan.

Saya faham perkara ini ialah satu perkara di bawah Pihak Berkuasa Pusat. Saya mendapat tahu di Butterworth ada sebuah *bus company* bernama Federal Transport Company Sendirian Berhad yang memberi perkhidmatan bas dari Sungai Puyu ke Mitchell Pier. Oleh sebab Syarikat ini tidak mempunyai wang yang cukup untuk membeli bas yang baru selalulah bas-basnya didapati rosak. Soalan tambahan yang saya hendak bertanya kepada Yang Amat Berhormat ialah: bolehkah Yang Amat Berhormat bertanya P.D.C. atau L.P.K.T. iaitu pihak berkuasa ini mengadakan satu *joint venture* dengan syarikat bas Federal Transport Company supaya Syarikat ini boleh membeli bas-bas baru dan bilangan bas akan lebih banyak lagi. Dengan ini Syarikat ini boleh membawa murid-murid dari Sungei Puyu ke Mitchell Pier. Bolehkah? P.D.C. selalu mengadakan *joint venture* dengan *other companies*.

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Encik S. P. Chelliah): Itu soalan lain.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Ini saya tanya. Soalan itu berkenaan dengan ini, Tuan Speaker.

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Encik S. P. Chelliah): Bukan, itu soalan lain.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Tuan Speaker, bolehkah saya bercakap sedikit? Kalau Ahli Yang Berhormat dari Sungai Pinang (*Gangguan*).

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Encik S. P. Chelliah): Saya dari Sungai Bakap.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): hendak jadi Tuan Speaker, saya boleh bagi cadangan saya. Beliau ingat beliau Tuan Speaker-kah boleh bercakap macam itu? Beliau tidak ada kuasa.

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Encik S. P. Chelliah): Kalau *you* tidak tahu tanya *you* duduklah!

Tuan Speaker: Ahli Yang Berhormat dari Sungai Bakap, jangan ganggu.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Saya belumpun habis lagi, sebab apa beliau hendak cakap? Kacau sahaja. Kalau mahu jadi Tuan Speaker, saya boleh cadangkan.

Tuan Speaker: Yang Berhormat dari Bagan Jermal, sila teruskan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Dengan izin: I think I will put it in English. That would be a bit more *terang*. Sir, I was asking Ketua Menteri if he can use his good offices to (*gangguan*).

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, saya faham apa soalan tambahan itu. Tidak payahlah lagi diulang balik dalam bahasa Inggeris.

Tuan Speaker: Ahli Yang Berhormat dari Bagan Jermal, soalan itu saya tidak benarkan oleh kerana Yang Amat Berhormat Ketua Menteri telah menjawab bahawa perkara berkenaan dengan bas ini ialah tanggungan Kerajaan Pusat.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Tuan Speaker, saya tanya soalan tambahan. Bolehkah? Can he use his good offices to persuade the P.D.C. or the L.P.K.T. in Butterworth to bring about a joint venture with this company to run buses from that place to this place. This is my (*gangguan*).

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Encik S. P. Chelliah): Itu soalan lain.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Can he use his own good offices? That's all I ask. Yes or No.

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Encik S. P. Chelliah): Sekarang soalan tambahan. Itu soalan lain.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Bolehkah atau tidak?

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, itu soalan lain. Soalan berkenaan *joint venture* tidak bersangkut dengan jawapan yang saya telah beri kepada soalan yang berbangkit.

Ahli Kawasan Bagan Ajam (Tuan Haji Ibrahim bin Abdul Razak): Datuk Speaker, soalan yang kedua.

2. (1) Adakah pihak berkuasa tahu penderitaan penduduk rumah murah di kawasan Telok Ayer Tawar, Penaga, Kepala Batas dan Sungai Dua oleh bau busuk dan sarang nyamuk oleh saliran parit-parit besar untuk buangan air, tidak dapat mengalir dan tertimbus?
- (2) Sebutkan samada perkara tersebut di atas itu tanggungjawab Jabatan Kerja Raya atau Jabatan Parit dan Taliair atau Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan?
- (3) Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi masaalah tersebut?
- (2. (1) Is the authority concerned aware that the residents of low-cost houses in the area of Telok Ayer Tawar, Penaga, Kepala Batas and Sungai Dua have to suffer the bad odour and the presence of mosquito breeding grounds caused by the obstruction and stagnation situation in the big drains which were used for drainage purposes?
- (2) State whether the above matter is the responsibility of P.W.D., D.I.D. or the Board of Management of Local Government?
- (3) What is the action that will be taken by the Government to solve this problem?)

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, soalan kedua bahagian 1, Ya.

Bahagian kedua, Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan, Seberang Perai yang bertanggungjawab.

Dan bahagian ketiga, Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan sedang menguruskan perkara ini. Akan tetapi sekiranya Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan meminta pertolongan pihak Kerajaan Negeri, maka Jabatan Kerja Raya atau Jabatan Parit dan Taliair atau kedua-dua Jabatan akan memberi bantuan kepada Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan.

Ahli Kawasan Bagan Ajam (Tuan Haji Ibrahim bin Abdul Razak): Datuk Speaker, soalan yang ketiga.

3. Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri supaya air tidak bertakung di dalam parit di pekan hampir kubur Cina di Sungai Puyu akibat projek bekalan air oleh Pihak Berkuasa Air dari Sungai Dua ke Pulau Pinang?
- (3). What is the action that will be taken by the Government to prevent water from being stagnated in drains in the town situated near the Chinese Cemetery at Sungai Puyu which results from the water supply project by the Water Authority from Sungai Dua to Penang Island?)

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan, Seberang Perai telah mengambil tindakan untuk memperbaiki penyaliran.

Ahli Kawasan Bagan Ajam (Tuan Haji Ibrahim bin Abdul Razak): Datuk Speaker, soalan yang keempat.

4. (1) Berapa banyak orang Melayu yang mendapat tempat di Projek Perumahan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang di Bagan Serai?
- (2) Adakah orang-orang Melayu yang setelah diberi tempat di dalam projek tersebut telah memulangkan balik borang permohonan dengan tidak membayar wang pendahuluan oleh sebab tidak berkemampuan?
- (3) Adakah borang permohonan yang dikembalikan balik dengan tidak membayar wang pendahuluan itu dapat diberi pula kepada pemohon Bumiputra yang gagal permohonannya, dengan mengikut kadar yang ditetapkan?
- (4. (1) How many Malays were successful in getting a place in the P.D.C. Housing Project in Bagan Serai?
- (2) Have there been any Malays who were given a place in the said project returned their applications without deposit payments because they cannot afford it?

- (3) Whether applications which were returned without deposit payments may be given to those Bumiputras who were unsuccessful in their applications based on the specified rate?)

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, jawapan bagi bahagian (1) di dalam soalan keempat ialah 30% atau 95 yunit daripada 313 buah rumah berkembar dan berteres yang dibina di dalam projek Bagan Serai adalah dikhaskan bagi pembeli-pembeli Bumiputra selaras dengan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan. Seperti pada 27hb Mac tahun ini, 43 yunit daripada 95 yunit tersebut yang dikhaskan telahpun diambil oleh Bumiputra-bumiputra. Dan jawapan saya untuk soalan keempat, bahagian kedua—Ya.

Ahli Kawasan Bagan Ajam (Tuan Haji Ibrahim bin Abdul Razak): Terimakasih.

Ketua Menteri: Saya minta maaf, Datuk Yang Dipertua, ada lagi bahagian ketiga yang berbunyi: "Adakah borang permohonan yang dikembalikan balik dengan tidak membayar wang pendahuluan itu dapat diberi pula kepada pemohon Bumiputra yang gagal permohonannya, dengan mengikut kadar yang ditetapkan?"

Datuk Yang Dipertua, soalan itu tidak jelas sebab tadi dalam bahagian (2) saya telah katakan 'Ya'. Tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua pembeli Bumiputra yang telah ditawarkan sebuah rumah pada permulaannya, tetapi tidak mengesahkan penerimaan mereka akibat kesusahan dalam mendapatkan pinjaman-pinjaman perumahan yang cukup, telah juga diminta untuk mengesahkan semula penerimaan tawaran mereka selewat-lewatnya pada 10hb Februari tahun ini, sepertimana yang dinyatakan melalui satu Siaran Akhbar oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, bertarikh 4hb Februari tahun ini.

Dan, atas pengesahan semula mereka adalah dikehendaki membayar satu bayaran tempah sebanyak \$1,000.00 dalam satu masa yang ditetapkan, jika tidak tawaran akan diberi kepada pembeli seterusnya. Akan tetapi inilah saya jawab untuk perhatian Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Bagan Ajam (Tuan Haji Ibrahim bin Abdul Razak): Terimakasih.

(II). Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun) bertanya kepada Ketua Menteri:

1. Apakah kemajuan yang telah dibuat sejak Mesyuarat Dewan ini yang lalu berkenaan dengan pengeluaran hakmilik-hakmilik baru bagi rumah-rumah murah di Taman Sentosa, Bukit Mertajam?

- (1. What is the progress made since the last sitting of this House with regard to the issuing of the new titles for the low-cost houses in Taman Sentosa, Bukit Mertajam?)

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, penyiasatan sedang dijalankan untuk menentukan: (a) mereka-mereka yang telah sebenarnya membayar ansuran sepenuhnya dan masih menduduki rumah-rumah berkenaan; (b) mereka-mereka yang telah menjual rumah-rumah mereka kepada orang lain bercanggah dengan perjanjian yang ditan-datangani; (c) penduduk-penduduk baru yangmana Majlis tidak membuat sebarang perjanjian.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): Tuan Speaker, saya ingat Yang Amat Berhormat Ketua Menteri tidak jawab soalan saya dengan tepat. Dengan yang demikian, saya minta Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, sila memberi keterangan selanjutnya. The question was that, Mr Speaker, Sir(gangguan).

Tuan Speaker: Tolong minta kebenaran terlebih dahulu.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): Dengan izin, Tuan Speaker, the question was: What was the progress made with regard to the issue of the titles since the last Sitting of this House?

Tuan Speaker: Yang Berhormat dari Bukit Mertajam, saya ingat Yang Amat Berhormat telah menjawab berkenaan dengan pertukaran rumah dan pertukaran tandatangan dari seorang ke seorang. Itu, Yang Amat Berhormat sudahpun menjawab dengan jelas. Saya ingat ini serupa dengan soalan itu juga.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Soalan tambahan, Tuan Speaker. Berapa title sudah di-issue kepada orang-orang dalam, *low-cost housing* ini? How many titles have already been issued up to today? Dengan izin, is it a progress?

Tuan Speaker: Yang Amat Berhormat sudah menjawab soalan itu. Saya ingat tidak payah lagi dijawab sekali lagi.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Saya bertanya—dari mesyuarat dahulu hingga mesyuarat sekarang, berapa title sudah diberi kepada peminjam-peminjam dalam *low cost housing* di Jalan Sentosa? Dengan izin, how many titles have already been issued up to today?

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, saya tidak memberi jawapan kepada Yang Berhormat daripada Kawasan Pekan Bukit Mertajam sebab saya tunggu beliau duduk dahulu barulah saya beri jawapan saya. Bukan saya tidak mahu menjawab tetapi seperti kata saya, kemajuan-kemajuannya yang kita ada, iaitu penyiasatan tetap oleh tiga pihak—a, b, dan c. Kita mesti ikut barulah kita boleh jalankan penyiasatan yang teliti untuk perkara-perkara ini. Sebab itu kerja-kerja adalah dijalankan untuk perkara-perkara yang berkenaan. Dan dalam jawapan saya, penyiasatan ini bukan tidak ada satu perkara yang kita tidak kerja sebab penyiasatan-penyiasatan ini melibatkan semakan rekod-rekod dengan teliti dan ini memakan masa.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): Soalan tambahan, Tuan Speaker. Bolehkah Ketua Menteri memberitahu Dewan ini bilakah hakmilik ini boleh dikeluarkan?

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, yang mungkin.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): Soalan tambahan, Tuan Speaker, dengan izin. Can the Chief Minister be more specific as to when the Title Deeds can be issued? I ask this because the Title Deeds have

been delayed for over 12 years and the Land Office and District Office concerned are just sitting on the matter. I have seen them personally but nothing has been done so far.

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, Kerajaan Negeri telah diminta menyegerakan penyiasatan-penyiasatan ini dan saya menjawab bahawa kalau semua rekod-rekod ini telah disiasatkan dan dikeluarkan *Title-Title* yang berkenaan, inilah yang dikeluarkan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Tuan Speaker, soalan tambahan. Bolehkah Yang Amat Berhormat Ketua Menteri memberitahu Dewan ini ada berapa *Title* yang sudah siap dan boleh diberi kepada orang ramai di *low-cost houses* ini? Dan, dengan izin: What is going to be the estimated time for the completion of the whole process of issuing the Title to the occupants of these low-cost houses?

Tuan Speaker: Soalan itu saya tidak benarkan kerana Yang Amat Berhormat telah menjawabkannya. Soalan itu cuma ulang-ulang sahaja. Oleh itu, saya tidak benarkan.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): Dengan izin. Will the Chief Minister give the assurance that this will be looked into?

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, itupun saya telah bukan sahaja janjikan, tetapi saya juga telah terangkan di dalam Dewan ini bahawa Kerajaan Negeri telahpun diminta menyegerakan penyiasatan-penyiasatan itu.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): Terimakasih.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): Tuan Speaker, soalan kedua.

2. Berapa ramai orang yang telah pergi ke Adelaide bersempena dengan Minggu Pulau Pinang di Adelaide dan apakah jumlah perbelanjaan bagi lawatan tersebut?
- (2. How many people went to Adelaide in conjunction with the Penang Week in Adelaide and what is the total cost of the trip?)

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, 166 orang. Anggaran peruntukan untuk lawatan ini ialah \$360,000. Saya ulang balik lagi sekali keterangan ini—ini Anggaran peruntukan. Tetapi perbelanjaan sebenar adalah masih dikira oleh sebab belum semua bil-bil telah diterima. Sungguhpun begitu, adalah nyata bahawa perbelanjaan sebenar adalah dalam lingkungan jumlah yang diperuntukan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Soalan tambahan Tuan Speaker. Dengan izin: The number amounting to 166 persons going to Adelaide (*gangguan*).

Tuan Speaker: Yang Berhormat, sila bercakap bahasa terlebih dahulu.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Boleh. Semua sekali ada 166 orang pergi ke Adelaide. Di sini ada tertulis mengatakan ada 49 orang adalah dari *private sectors*, iaitu mereka bayar sendiri. Dalam seramai 166 orang ini, has it included these 49 people who paid for themselves?

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, di sinilah saya ingat barangkali Yang Berhormat Ahli dari Kawasan Bagan Jermal membuat fasal. Beliau bangkit untuk menggagalkan perjalan kerja-kerja kita di dalam Dewan ini, sebab nampaknya beliau pun membaca balik apa yang kita telah berikan kepada beliau, tetapi seperti biasa apa beliau baca tidak dengan telitinya. . . . (*gangguan*).

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Tuan Speaker, saya mahu tanya sahaja. Apa guna mahu ulang (*gangguan*).

Tuan Speaker: Ahli Yang Berhormat, sila duduk.

Ketua Menteri: Apa yang dibaca di bawah tidak ikut dari kepala, kepala tidak ikut dari ekor, ekor pun tidak sangkut dengan badan (*gangguan*).

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): There is no need to say all these things. You just say whether it includes or not.

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, Yang Berhormat Ahli dari Kawasan Bagan Jermal, kalau mengambil sedikit masa lagi atau kalau sungguh-sungguh baca keterangan, fahamlah bahawa 49 orang ini adalah termasuk dalam 166.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Cakap sahajalah. Apa guna mahu ulang-ulang macam ini. It is of no use to go round the world to try to answer a question.

(III). Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How) bertanya kepada Ketua Menteri.

1. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini tentang kemajuan yang telah dibuat oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang atas pembangunan rancangan-rancangan Perumahan di Bayan Lepas dan Bagan Serai?
- (1. Will the Honourable the Chief Minister tell the House the progress that the Penang Development Corporation has made, on the development of its Housing Schemes at Bayan Lepas and Bagan Serai?)

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, 477 rumah-rumah berteres dan 74 rumah-rumah berkembar pada masa sekarang adalah sedang dibina di bawah Rancangan Peringkat I Bayan Lepas. Pada umumnya, kebanyakan rumah-rumah adalah kira-kira 60%—70% siap. Masa yang dijangka bagi persiapan ialah bulan Ogos, tahun 1975, iaitu tahun ini.

Peringkat I—Bagan Serai.

Ada 299 rumah-rumah berteres dan 14 rumah-rumah kembar pada masa sekarang sedang dibina di bawah rancangan Peringkat I Bagan Serai. Pada umumnya, kebanyakan rumah-rumah itu adalah kira-kira 30%—50% siap dan masa yang dijangka bagi persiapan ialah bulan Disember tahun ini.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Soalan kedua, Tuan Speaker.

2. Samada Kerajaan telah memulakan kerja atas sebarang cadangan rancangan Perumahan Murah di dalam Pulau Pinang pada tahun ini. Jika ada, bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri menyatakan tempat rancangan-rancangan di mana kerja pembinaan telah dimulakan?

- (2. Will the Honourable the Chief Minister tell the House whether Government has started work on any of the proposed Low-Cost Housing schemes in Penang this year and if so will the Honourable the Chief Minister indicate the location of the schemes where the construction work have started?)

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, 'Ya'.

Tindakan telah diambil bagi memanggil semula tawaran-tawaran projek Kampung Melayu Peringkat IV untuk dilaksanakan pada tahun ini. Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan, Pulau Pinang telah ditugaskan untuk membentuk dan melaksanakan projek di Taman Free School.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Soalan tambahan, Tuan Speaker. Bolehkah Yang Amat Berhormat Ketua Menteri memberitahu ada berapa buah rumah murah di Seberang Perai yang kerjanya sudah *start—already started?*

Tuan Speaker: Yang Berhormat Ahli dari Bagan Jermal, itu soalan lain.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Seberang Perai pun di dalam Pulau Pinang juga.

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Encik S. P. Chelliah): Tapi itu soalan lain.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Ini bukan soalan lain. Yang Amat Berhormat Ketua Menteri ada memberitahu: 'rumah-rumah murah di Pulau Pinang'—Georgetown atau Pulau Pinang—tidak berkata rumah-rumah di Seberang Perai. Soalan tambahan: Adakah rumah dibuat di Seberang Perai?

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, jawapan saya adalah terang sekali sebab saya sebut 'dua projek di dalam Negeri Pulau Pinang.'

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Macam itulah—tidak ada di Seberang Perai.

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Encik S. P. Chelliah): Seberang Perai pun dalam Pulau Pinang juga.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Soalan ketiga, Datuk Speaker.

3. Samada Kerajaan bertujuan untuk mengkaji semula rancangan perumahan murah di Bagan Ajam yang pada suatu ketika telah terbengkalai di mana kira-kira sebanyak \$60,000 telah dibelanjakan atas kerja perseediaan tapak? Jika jawapannya tidak, bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan apakah sebabnya?

(3. Will the Honourable the Chief Minister tell the House whether the Government intends to revise the once abandoned low-cost housing scheme in Bagan Ajam where some \$60,000 have been spent for the site preparation work? If the answer is no, will the Honourable the Chief Minister tell the house why?)

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, 'Ya'.

Kerajaan Negeri ingin memulihkan projek perumahan murah di Bagan Ajam. Projek tersebut telahpun diemukakan kepada Kerajaan Persekutuan untuk pertimbangan dan dimasukkan ke dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Datuk Speaker, soalan tambahan. Tempat itu dahulu Kerajaan untukkan sebanyak \$73,000 di Bagan Ajam untuk dibina lebihkurang 200 buah rumah murah di sana. Datuk Speaker, bolehkah Yang Amat Berhormat Ketua Menteri beritahu Dewan ini: Is the place going to be considered for the site—dengan izin—for building a new low-cost housing or low-cost flats in Bagan Ajam? Is the site for which we have already spent \$73,000 going to be used again?

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, saya pun minta izinlah bercakap sedikit dalam bahasa Inggeris. Sebab bunyi soalan yang saya terima daripada Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Jermal di dalam bahasa Inggeris berbunyi: "Will the Honourable The Chief Minister tell the House whether the Government intends to revise the once abandoned low-cost housing scheme in Bagan Ajam where some \$60,000 have been spent for the site preparation work? If the answer is no, will the Honourable The Chief Minister tell the House why?"

Dan sekarang dalam soalan tambahan yang saya dengar, \$73,000. Jika ini tempat yang sama dengan apa yang ada di dalam soalan ini, jawapan saya yang pendek dan terang—'ya'.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Soalan keempat, Datuk Speaker.

4. Memandangkan kepada kurangnya rumah-rumah pangsa dan rumah-rumah murah di Butterworth, akibatnya ramai orang yang tidak mempunyai rumah terpaksa menduduki tanah-tanah Kerajaan, bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan samada Kerajaan akan menimbangkan untuk mengambil langkah-langkah bagi membina rumah-rumah murah atau rumah pangsa di keliling bandar Butterworth?

(4. In view of the acute shortage of low cost flats and houses in Butterworth; as a result of which, many people who do not own any house have to squat on the Government Lands, will the Honourable the Chief Minister tell the House whether the Government will consider taking steps to build low-cost houses or flats around Butterworth Town?)

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, Kerajaan Negeri, dengan kerjasama Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan Seberang Perai, bercadang untuk membina rumah-rumah dan rumah-rumah pangsa untuk golongan yang berpendapatan rendah di Bagan Ajam untuk meringankan kekurangan rumah-rumah di Butterworth. Projek tersebut sedang dipertimbangkan untuk dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan ini diambil perhatian dan pertimbangan pada masa sekarang.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Datuk Speaker, soalan Kelima.

5. Samada Kerajaan bertujuan untuk memperuntukkan Tanah-tanah Negeri yang sesuai untuk bercucuk tanam kepada rakyat kita berasaskan atas Lesen Tumpangan Sementara supaya rakyat kita boleh menggunakan tanah-tanah ini bagi pelaksanaan Rancangan Buku Hijau? Jika ada, bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan samada sebarang tanah Negeri telah dipetakan bagi tujuan ini. Sila nyatakan tempat tanah-tanah ini.

- (5. Will the Honourable the Chief Minister tell the House whether the Government intends to allot the State Lands which are suitable for cultivation to our people on T.O.L. basis so that our people can make use of the Lands for the implementation of Rancangan Buku Hijau? If so, will the Honourable the Chief Minister tell the House whether any State land has been mapped out for this purpose; kindly state the location of the lands).

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, saya minta maaf jika saya ambil sedikit masa Dewan ini untuk menerangkan soalan ini yang berbunyi:—“Samada Kerajaan bertujuan untuk memperuntukkan Tanah-tanah Negeri yang sesuai untuk bercucuk-tanam kepada rakyat kita berasaskan atas Lesen Tumpangan Sementara supaya rakyat kita boleh mengguna tanah-tanah ini bagi pelaksanaan Rancangan Buku Hijau? Jika ada, bolehkah Yang Amat Berhormat Ketua Menteri memberitahu Dewan samada sebarang tanah Negeri telah dipetakan bagi tujuan ini. Sila nyatakan tempat tanah-tanah ini.”

Datuk Yang Dipertua, saya baca balik soalan ini sebab saya harap jawapan saya ini Yang Berhormat Ahli dari Kawasan Bagan Jermal dengar baik-baik dan terima apa yang saya jawab.

Datuk Yang Dipertua, ini tidak dengan segera. Objektif-objektif Buku Hijau secara permulaan ialah untuk menggalakkan rakyat kita, khasnya mereka-mereka yang tinggal di dalam kampung-kampung, untuk mengusahakan tanah-tanah kosong dan tanah-tanah yang masih belum dikerjakan yang terletak di sebelah rumah-rumah mereka supaya mereka akan dapat menambahkan lagi keperluan-keperluan bahan makanan mereka sendiri dan dengan demikian akan dapat memupuk semangat keyakinan sendiri dan juga untuk menyumbangkan terhadap usaha mencegah inflasi.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Ini saya faham.

Ketua Menteri: Akan tetapi, sekiranya keperluan berbangkit, pihak Kerajaan akan menimbangkan untuk memperuntukkan tanah-tanah yang boleh terdapat dalam Negeri supaya dapat

meneruskan pelaksanaan Rancangan Buku Hijau samada melalui Lesen Tumpangan Sementara atau dengan pengambilan ataupun dengan apa-apa cara yang difikirkan sesuai. Jawatankuasa Kemajuan Kampung yang sedang berusaha bersama-sama dengan Jawatankuasa Tindakan Daerah pada masa sekarang sedang mengesankan kawasan-kawasan tanah Negeri yang sesuai untuk melaksanakan Buku Hijau di bawah aspek berkelompok rancangan tersebut.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Datuk Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya faham objektif atau tujuan Buku Hijau ini, iaitu di dalam kampung, di mana terdapat tanah yang boleh digunakan—dengan izin—that may be used for the cultivation to grow more food. But I also understand Sir, that there are many, many people who are staying in vast pieces of State lands which are suitable for cultivation purposes. So my supplementary question Sir, is: Will the Government consider those lands occupied by the people without T.O.L.? Bolehkah Kerajaan bagi lesen T.O.L. kepada orang-orang yang duduk di dalam kampung-kampung di atas tanah Kerajaan supaya orang-orang ini boleh menggunakan tanah itu untuk cultivation in order to achieve tujuan Buku Hijau.

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Encik S. P. Chelliah): You are talking about squatters-lah. You know squatters also.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Tuan Speaker if you want to speak, please stand up and answer on behalf of the Chief Minister. If not, shut up!

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Encik S. P. Chelliah): I just want to clarify. You shut up, sudahlah!

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Then you may stand up to clarify.

Tuan Speaker: Ahli kawasan Sungai Bakap, saya minta jangan ganggu lagi.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): If you want to clarify or you want to answer on behalf of the Chief Minister you can stand up as a Member of the Exco.

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, saya tidak faham apa soalan yang berbangkit.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Soalan tambahan ialah, dengan izin: State land now occupied by the squatters that are suitable for cultivation. Will the State Government consider issuing T.O.L. to those people who can cultivate the State land they are now occupying without T.O.L.? That is the question.

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, saya mintalah Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Jermal bertanya dalam satu bahasa yang terang.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Tetapi Tuan Speaker, tadi saya minta maaf. Kalau Yang Amat Berhormat kata "tiada Bahasa, tiada jawapan", bolehlah cakapkan.

Tuan Speaker: Yang Berhormat sekarang soalkan dalam bahasa Kebangsaan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Tetapi Tuan Speaker, is it your ruling "no Bahasa no answer"? Is it going to be your ruling, I want to get it clarified. If that is the case, then I will use Bahasa. If I cannot, I will keep quiet and shut up and sit down.

Tuan Speaker: Ahli Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat telah memberi keterangan jawapan tadi dalam Bahasa. Saya harap Ahli Yang Berhormat dari Bagan Jermal soalkan dalam Bahasa. Itu ruling saya. Sila soalkan dalam Bahasa.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): O.K. tiada Bahasa tiada ada jawapan. Betulkah Tuan Speaker? Ini satu ruling—keputusan. Saya mahu tahu—kalau tidak boleh cakap Bahasa, tidak ada jawapan. Jika ini satu keputusan saya boleh terima Tuan Speaker.

Tuan Speaker: Ahli Yang Berhormat, itu ruling saya. Yang Amat Berhormat telah menjawab dalam Bahasa, jadi boleh ditanya dalam Bahasa.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Kalau saya tidak tanya (gangguan).

Tuan Speaker: Ahli Yang Berhormat, saya telah bercakap, saya tidak mahu ulang-ulang balik.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): O.K.

Tuan Speaker, soalan keenam.

6. Apakah rancangan-ancangan Kerajaan bagi mengalakkan rakyat kita yang memiliki tanah mereka sendiri untuk melaksanakan Rancangan Buku Hijau?
- (6. What plans does the Government have to encourage the people of our State who own their own land to implement the Rancangan Buku Hijau?)

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, penggunaan tanah yang sepenuhnya adalah digalakkan bagi mereka-mereka yang mempunyai tanah untuk dimajukan dengan rancangan-ancangan yang boleh menambah pengeluaran bahan-bahan makanan.

Saya harap Yang Berhormat Ahli daripada Kawasan Bagan Jermal janganlah lupa apa soalan yang beliau telah minta jawapan. Tidak payah buang masa untuk tunjuk yang beliau *champion* ulangan balik.

Jabatan-jabatan Haiwan, Pertanian dan Perikanan akan memberikan perkhidmatan-perkhidmatan serta kemudahan-kemudahan yang diperlukan untuk menjayakan Rancangan Buku Hijau. Tindakan sedang diambil sekarang oleh Pegawai-pegawai Daerah untuk menyediakan rancangan-ancangan jangka-pendek dan jangka-panjang untuk perlaksanaan pada peringkat daerah. Pada peringkat Negeri, keseluruhan Rancangan Buku Hijau ini adalah di selaraskan oleh Jawatankuasa Rancangan Buku Hijau pada Peringkat Negeri.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Soalan ketujuh.

7. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa persediaan-persediaan bagi jamuan Perpisanan Negeri sebagai menghormati Gabnor yang bersara pada 1hb Februari, 1975 adalah sungguh tidak memuaskan bagi sesuatu

Majlis sedemikian; jika ada apakah langkah yang Kerajaan bercadang akan mengambil untuk menentukan supaya kecekapan yang lebih baik ditunjukkan bila sesuatu Majlis sedemikian diadakan pada masa yang akan datang?

- (7. Is the Honourable the Chief Minister aware that the arrangements for the farewell State Banquet in honour of the retiring Governor on the 1st February, 1975 has been most unsatisfactory for an occasion of such a nature; if so, what step does the Government propose to take to ensure that greater competence is displayed when such functions are held in future?)

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, tidak.

Walaubagaimanapun, saya sedar bahawa perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan oleh penyedia-penyedia makanan untuk Majlis tersebut telah didapati kurang memuaskan daripada yang disangkakan. Ini bukanlah satu kerja yang senang untuk menyediakan bagi satu jamuan makan malam untuk seramai 600 orang. Hanya penyedia-penyedia yang berpengalaman sahajalah yang mempunyai alat kelengkapan memasak dan menyediakan perkakaspemakanan dapur dan kemudahan untuk menyediakan bagi satu jamuan makan malam sedemikian dengan berjaya.

Bila Wisma Pahlawan dipilih sebagai tempat untuk mengadakan jamuan tersebut, Restoran Mashuri menerima kontrak untuk menyediakan makanan-makanan. Akan tetapi, penyedia-penyedia telah didapati kurang pengalaman. Kerajaan Negeri sejak itu telah memutuskan bahawa majlis-majlis sedemikian yang akan datang hendaklah disediakan oleh penyedia-penyedia yang lebih berpengalaman atau di mana-mana tempat yang ada alat-alat kelengkapan dan kemudahan-kemudahan untuk memasak, melayan dan mencuci.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Tuan Speaker, soalan tambahan. Saya haraplah saya boleh bercakap baik di dalam Bahasa Malaysia supaya dapat jawapan dari Yang Amat Berhormat Ketua Menteri. Sekarang ada satu keputusan baru.

Tuan Speaker, adakah Yang Amat Berhormat tahu di belakang dewan ada dua *table* untuk seramai 32 orang yang tidak datang? Ini dua *table* semua sekali kosong. Sebab apa ada dua *table* untuk seramai 32 orang yang tidak datang? Mereka jawabkah? Kalau mereka jawab sebab apa mereka tidak datang, sebab apa dua *table* di belakang sana kosong?

Tuan Speaker: Yang Berhormat Ahli dari Kawasan Bagan Jermal, soalan itu saya tidak benarkan kerana perkara itu terlampau rumit kerana kalau macam kita hendak masak kopi, hendak cari gula, serbuk kopi, cari penapis—itu semua membuang masa sahaja. Soalan itu saya tidak benarkan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Tuan Speaker, saya memberitahu di dalam Dewan ini, adakah banyaknya ini barangkali *guest* di dalam Dewan ini membuat jawapan mahu datang tetapi tidak datang. Ini satu perkara yang saya cakap *irresponsible*. Sebab itu saya mahu tanya sebab apa *arrangement* sudah dibuat di dua meja di sana tetapi tidak ada orang duduk?

Tuan Speaker: Yang Berhormat dari Bagan Jermal, saya sudah bagi keputusan, soalan itu saya tidak benarkan.

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Encik S. P. Chelliah): Datuk Speaker, di belakang *hall* ada meja tetapi tidak ada orang.

Tuan Speaker: Yang Berhormat dari Sungai Bakap, sila duduk.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Tuan Speaker, soalan kelapan.

8. Bagaimanakah keadaan pinjaman-pinjaman di mana peruntukan telah disediakan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang kepada:

- (a) Viking Askim Sdn. Bhd. yang berjumlah sebanyak \$627,264;
- (b) Penang Electronic Sdn. Bhd. yang berjumlah sebanyak \$998,989.

Jika pinjaman-pinjaman telah dibayar balik kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, sila berikan tarikh bayaran-bayaran balik dan faedah-faedah sekiranya terdapat ada yang telah dibayar.

- (8. Will the Honourable the Chief Minister tell the House what is the position of loans made available by Penang Development Corporation to:

(a) Viking Askim Sdn. Bhd. amounting to \$627,264;

(b) Penang Electronic Sdn. Bhd. amounting to \$998,989.

If the loans have been repaid to P.D.C., please give dates for the repayments and the interest if any that has been paid.)

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, bagi bahagian (a) Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang tidak memberi pinjaman kepada Viking Askim Sdn. Bhd. yang berjumlah sehingga \$627,264.

Dan di bahagian (b) pinjaman sebanyak \$998,989 yang dibuat oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang kepada Penang Electronic Sdn. Bhd. telahpun ditukarkan menjadi syer-syer pembahagian sama pada 2hb Oktober, 1973. Pinjaman ini adalah satu pinjaman yang tidak dikenakan sebarang faedah.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Tuan Speaker, soalan tambahan. Tadi Yang Amat Berhormat memberitahu Dewan ini P.D.C. tidak beri pinjaman ini kepada Viking Askim tetapi bolehkah Yang Amat Berhormat memberitahu ini satu *account* bagi Perbadanan Pembangunan. Dia berkata pinjaman jangka panjang bagi Viking Askim Malaysian Sdn. Bhd. \$627,264. Bolehkah Yang Amat Berhormat memberitahu mana *money* ini?

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, tadi apa yang saya kata di Dewan ini, saya haraplah Yang Berhormat Ahli daripada Kawasan Bagan Jermal tidak guna ulang dan bohong dengan Yang Berhormat Ahli-ahli di dalam Dewan ini. Tadi apa yang saya kata, saya mintalah beliau bercakap dalam satu bahasa. Bukan di dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Kebangsaan tetapi satu bahasa yang terang. Sebab itulah saya tidak tahu apa yang Ahli Yang Berhormat Kawasan Bagan Jermal cakap sebab saya tidak faham bagaimana perkataan dia ada sangkutan atau tidak sangkut. Saya langsung tidak fa-

ham. Tetapi dalam soalan ialah adakah kita bagi pinjaman? Yang saya kata: 'tidak'. Tetapi sekarang Yang Berhormat dari Kawasan Bagan Jermal meminta saya bagi keterangan di dalam Dewan ini. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang pada mesyuaratnya yang ke 16 yang diadakan pada 7hb Ogos, 1972 telah meluluskan penjualan sebanyak 20 ekar tanah dalam Kawasan Perusahaan Perai kepada Viking Askim dengan syarat-syarat yang berikut:

- (i) bayaran 20% daripada harga jualan atas kadar 90 sen sekaki persegi yang berjumlah sebanyak \$156,816; dan
- (ii) baki 80% sebanyak \$627,264 dikehendaki dibayar dari 8 bayaran ansuran yang sama selama 8 tahun atas kadar faedah $7\frac{1}{2}\%$ setahun.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Tuan Speaker, soalan tambahan.

Wang itu lebih-kurang \$600,000 ada bayar balikkah? Sudah bayar balik? Ini ialah satu *tax*. Jual tanah wang belum dapat balik. Wang ini sudah dapat balikkah?

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, nampak saya bukan saya sahaja tidak boleh faham tetapi barangkali bahasa saya tidak cukup terang. Yang Berhormat daripada Kawasan Bagan Jermal barangkali pun tidak faham, apa yang saya cakap. Tadi saya kata dan bahas balik dalam beberapa tahun, tahun 1972 tambahlah 8 tahun ialah sampai 1980. Ini ialah tahun 1975, lagi apa yang saya hendak jawab?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Ada dapat sedikit balik, saya tanya ini sahaja.

Tuan Speaker, soalan kesembilan.

9. Memandangkan bahawa Ketua Menteri telah menyatakan kepada Dewan ini pada 23hb Mei, 1973, bahawa Empangan Perai akan disiapkan kira-kira pada tahun 1974/75, bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan apakah sebab-sebabnya projek ini tergendala?

- (9. In view of the fact that the Chief Minister has stated in this House on the 23rd Mei, 1973 that the Prai Barrage will be completed about 1974/1975, will the Honourable the Chief Minister tell the House what are the causes that are holding up this project?)

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, projek Prai Barrage ini telah diluluskan oleh pihak berkuasa Kerajaan Persekutuan pada bulan September, 1972 dan peruntukan kewangan diadakan untuk projek tersebut. Apabila kerja-kerja pengambilan balik tanah dijalankan, masalah mengenai penempatan semula setinggian-setinggian telah timbul dan oleh itu mengambil masa untuk dilaksanakan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Soalan kesepuluh, Tuan Speaker.

10. Bilakah tempoh jawatan Ahli-ahli Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan di Seberang Perai dan Pulau Pinang akan tamat dan samada menjadi dasar Kerajaan Negeri untuk melantik semula ahli-ahli yang bersara ke tempoh jawatan yang lain?
- (10. Will the Honourable the Chief Minister tell the House when will the term of Office for the present Members of the Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan in Seberang Perai and Pulau Pinang end and whether it is the policy of the State Government to re-appoint the retiring members to another term of Office?)

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, Ahli-ahli kedua-dua Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan Pulau Pinang dan Seberang Perai sekarang telah dilantik bagi satu tempoh selama setahun mulai 1hb Julai, 1974. Oleh itu, tempoh keahlian mereka akan tamat pada 30hb Jun tahun ini. Perlantikan ahli-ahli kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan adalah satu prerogatif Pihak Berkuasa Negeri seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen H (1) Akta (Peruntukan-peruntukan Sementara) Kerajaan Tempatan, Tahun 1973. Pihak Berkuasa Negeri akan menjalankan kuasa-kuasanya menurut peruntukan-peruntukan Akta ini. Perlantikan-perlantikan semula ahli-ahli yang bersara akan dipertimbangkan apabila masanya tiba.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): Soalan tambahan, Tuan Speaker.

Dengan izin: Mr Speaker, Sir, there exists in the Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan, Seberang Perai, the appointment of a Headmaster of a certain school to be an *Ahli* of the L.P.K.T. Will the Chief Minister tell the House whether it is constitutional and proper for his appointment.

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, ini satu soalan lain tetapi di sini saya jawab, perlantikan telah diluluskan dan dijalankan dan diterima.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Soalan kesebelas.

11. Samada Kerajaan Negeri mempunyai sebarang rancangan untuk memasang Paip-paip Umum di dalam kampung atau kawasan-kawasan luar bandar di Negeri kita bagi tahun 1975 dan jika ada bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan berapakah Paip-paip Umum akan atau telah dipasang dan di mana tempatnya?
- (11. Will the Honourable the Chief Minister tell the House whether the State Government has any plans to instal Stand Pipes in Kampung or rural areas of our State for the year of 1975 and if so will the Chief Minister tell the House how many Stand Pipes will be or have been installed and where are the locations?)

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, masa sekarang adalah sejumlah 492 buah stenpaip dalam Negeri Pulau Pinang, 79 buah di Pulau Pinang dan 413 buah di Seberang Perai dan Kerajaan Negeri sedang menggalakkan orang ramai supaya menyumbangkan bekalan mereka sendiri dari sesalursesalur air yang tersedia.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Tuan Speaker, soalan tambahan.

Tuan Speaker, dengan izin: jika Ahli Yang Berhormat dari Pekan Bukit Mertajam boleh bertanya dalam bahasa Inggeris, saya ingat Tuan Speaker bolehlah beri saya bertanya dalam bahasa Inggeris.

Tuan Speaker: Tetapi saya harapkan jangan selalu.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Tetapi kalau ini satu keputusan, tentu mahu angkat.

Tuan Speaker, soalan tambahan, dengan izin.

I wanted to ask the Honourable the Chief Minister regarding the allocation of these stand-pipes amounting to nearly 500 in Penang and Seberang Perai—that is a lot. Has the Government set up a special Committee to look into which places are served with the allocation of these stand-pipes? Is there any Government Committee to look into this matter? Who are handling the allocation of these standpipes?

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, dengan izin.

As I said, I wish the Honourable Member from Bagan Jermal to speak in a language that I can understand. Apparently we are working on two different wavelengths. But if I understand him correctly, assuming that what he is asking is correct, then the State Water Authority or Pihak Berkuasa Air ada selalu kaji apa yang dimintakan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Tuan Speaker, soalan tambahan.

Dengan izin: I do not think that Pihak Berkuasa Air would know the needs of each kampung. Pihak Berkuasa Air tidak boleh tahu di mana mahu buat *stand-pipes* ini. Saya ingat, ini satu perkara kemajuan kampung, tentu mahu dapat satu kuasa memberitahu Pihak Berkuasa Air di mana tempat orangramai mahu *stand-pipes* ini. I hope I can make myself understood. I am sorry I can't really make the Honourable the Chief Minister understand.

Tuan Speaker: Cuba Bahasa, saya boleh faham.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): So saya ingat Pihak Berkuasa Kerajaan tentu mahu buat satu Committee, satu Jawatankuasa, habis boleh tahu di mana tempat boleh

beri *stand-pipes* ini. Saya mahu tanya, adakah satu Jawatankuasa di dalam *State Authority* berkenaan perkara ini?

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, dalam persidangan Dewan ini dahulu, ada satu perkataan dalam Peraturan iaitu 'bodoh' yang selalu kitapun telah bahas beberapa kali. Dan baru-baru ini sahaja apabila Yang Mulia Raja Tonga melawat Pulau Pinang, beliau berkata bahasa kita barangkali serupa. Ada 300 perkataan lebih dalam bahasa Tonga yang serupa dengan Bahasa.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Sir, that is of no concern to this.

Tuan Speaker: Yang Berhormat dari Bagan Jermal, sila duduk.

Ketua Menteri: Dalam bahasa Malaysia (*gangguan*).

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Tonga—mana ada bersangkutan di sini? Kita bertanya ada satu Jawatankuasa atau tidak, itu sahaja. Mana ada Tonga pula?

Ketua Menteri: kalau di sini kita kata 'bodoh' itu orang yang tidak pandai, tetapi di sana apabila kata 'bodoh' itulah orang yang istimewa pandai. Barangkali Ahli daripada Kawasan Bagan Jermal istimewa pandai—dalam Tonga. (*Ketawa*).

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Bolehkah macam ini? Mana Tonga ada bersangkutan di sini? Tuan Speaker, saya bertanya Tuan Speaker dan minta Tuan Speaker ambil satu keputusan. Tonga dengan saya, Bagan Jermal—ada bersangkutan? (*Ketawa*). Saya—Bagan Jermal—mana ada bersangkutan. Kalau tidak boleh menjawab, kata tidak boleh jawab. Jangan bercakap tentang Tonga, Adelaide, Peking, hendak beri jawapan ini kepada saya. Ini tidak berguna. Cakap sahajalah ada atau tidak satu Jawatankuasa ini. Mengapa hendak dibawa pula perkara Tonga. Beliau seorang yang besar dan kalau dibawa masuk ke dalam Dewan ini, saya ingat kerusi tigapun tidak cukup. (*Ketawa*).

Ketua Menteri: Datuk Speaker, sebab dalam soalan tambahan, Yang Berhormat Ahli daripada Kawasan Bagan Jermal bawa perkara bahasa dan sekarangpun beliau berdiri lagi bertanya soalan mengenai Peking dan lain-lain. Beliau bertanya mana Tonga dengan Bagan Ajam (*gangguan*).

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Bagan Ajam di sana.

Ketua Menteri: ada bersangkutan tetapi Bagan Ajam tidak. Bukan semua orang daripada (*gangguan*).

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Tidak bersangkutan.

Ketua Menteri: Bagan Jermal-pun tersebut tetapi saya nampak Yang Berhormat Ahli daripada Kawasan Bagan Jermal berguna sedikit dengan Tonga. Tonga mempunyai satu adat. Adatnya ialah taruhlah seorang bodoh dalam sebuah kapal dan hantar terus (*gangguan*).

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Tuan Speaker, ini tidak bersangkutan dengan jawapan kepada soalan saya. Tonga, 'bodoh'—ini tidak bersangkutan sekali. Tuan Speaker, ambillah satu keputusan. Beliau selalu bawa *character assassination*. Mana boleh? Satu hari saya boleh angkat baju ini, I warn you.

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Encik S. P. Chelliah): Istimewa pandai.

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, saya hendak jawab (*gangguan*)

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Belum jawab lagi.

Ketua Menteri: dengan keterangan sebab Ahli Yang Berhormat daripada Kawasan Bagan Jermal telah membangkitkan perkara bahasa dan lain-lain. Saya harap kalau saya bagi keterangan barangkali beliau boleh faham apa yang saya bercakap dan saya faham apa yang beliau bercakap. Tetapi dalam jawapan saya, saya telah menjawab Pihak Berkuasa Air ialah badan yang berkenaan. Tetapi kalau Yang Berhormat Ahli daripada Bagan Jermal (*gangguan*).

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Ada satu Jawatankuasa.

Ketua Menteri: sendiri ingat ini tidak patut, itu ingatannya sendiri.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Mana satu soalan tadi? (*Ketawa*).

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Encik S. P. Chelliah): Tak tahukah?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Kita pergi ke Tonga, baru balik ke sini. Sayapun tidak tahu mana satu soalan. Tonga, Peking, Adelaide, kemudian datang ke sini. Sayapun terlupa mana satu soalan. Saya minta maaf.

Tuan Speaker, soalan kedubelas.

12. Samada terdapat sebarang bayaran yang telah dibuat kepada Konsortium Akitek, Jurutera dan Juru Ukur, yang telah dilantik untuk merencanakan pembangunan Pusat Bandaraya, dan jika ada, bolehkah Yang Amat Berhormat Ketua Menteri memberi butir-butir bayaran atau bayaran-bayaran yang telah dibuat?

Sila memberitahu Dewan juga samada terdapat sebarang bayaran yang harus dibayar kepada Konsortium dan masih belum lagi dibayar?

- (12. Will the Honourable the Chief Minister tell the House whether there is any payment made to the Consortium of Architect, Engineer and Surveyor, which was appointed to plan for the development of the Urban Centre, and if there is, will the Honourable the Chief Minister give details of the payment or payments which have already been made?)

Kindly also tell the House whether there is any payment that is due to the Consortium and has not yet been paid?)

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua sehingga sekarang iaitu 26hb Mac, tahun ini sebanyak \$1,300,000 telah dibayar kepada *Development Consortium*, Penasihat kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang untuk Kompleks Angkasa Perdana Pulau Pinang, Peringkat I. Pembayaran telah dibuat seperti tarikh berikut:

22hb Julai, 1974	...	\$500,000
5hb November, 1974	...	\$300,000
5hb Februari, tahun ini		\$500,000

dan bayaran-bayaran yang baki kepada *Development Consortium* akan ditentukan atas perbelanjaan bayaran yang sebenarnya yang dikenakan terhadap bilangan peringkat kecil di bawah Peringkat I Projek tersebut. Pembayaran akan ditentukan berdasarkan kepada 9½ peratus atas perbelanjaan-perbelanjaan bangunan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Saya tidak mahu bertanya soalan tambahan ini lagi. Saya ingat nanti kitapun tidak tahu di mana kita boleh pergi.

Tuan Speaker, soalan ketigabelas.

13. Samada Syarikat Cendawan, yang dikenali sebagai Malaysia Foods Sdn. Bhd., sedang menjalankan perusahaan dan jika ada, apakah daya pengeluaran pada tiap-tiap bulan pada masa sekarang?

Sila memberitahu Dewan juga, setakat mana penglibatan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang ada dalam Syarikat tersebut seperti pada hari ini?

- (13. Will the Honourable the Chief Minister tell the House whether the Mushroom Company, known as Malaysia Foods Sdn. Bhd., is now in operation and if so, what is the monthly production now?

Kindly also tell the House what is the P.D.C.'s involvement in this Company as at today?)

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, Malaysia Foods Sendirian Berhad kini sedang memasang mesin-mesin dan alat-alat kelengkapan terhusus bagi penanaman dan proses mengeting cendawan-cendawan di kilang yang terletak di Kompleks Perusahaan Bagan Serai. Daya pengeluaran cendawan tiap-tiap bulan setakat ini adalah diperolehi dari Stesyen Percubaan atau *Experimental Station* di Sungai Ara dan ini adalah kira-kira 600—900 paun sebulan. Pelaburan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang sehingga hari ini berjumlah 52½ peratus daripada modal syarikat yang dikeluarkan, iaitu \$2.1 juta daripada \$4 juta.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Tuan Speaker, soalan keempatbelas.

14. Apa telah berlaku kepada projek halia yang selalu kedengaran pada hari ini dan berapa banyak telah dibelanjakan atas projek tersebut setakat ini?

Sila memberitahu Dewan juga samada sebarang hasil-hasil halia telah dipasarkan setakat ini dan jika ada apakah hasil pendapatan yang telah diperolehi dan apakah keuntungan yang telah dibuat?

- (14. Will the Honourable the Chief Minister tell the House what has happened to the much talked about ginger project today and how much has been spent on this project so far?

Kindly also tell the House whether any of the ginger products have been marketed so far and if so what income has been derived and what profit has been made?)

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, projek halia telah tidak pernah dijadikan sebagai satu usaha perdagangan oleh sebab percubaan-percubaan permulaan adalah tidak berjaya sepenuhnya. Setakat ini \$9,694 telah dibelanjakan di atas siasatan oleh Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang. Projek ini adalah masih di bawah pertimbangan sebagai suatu usaha perdagangan untuk menetapkan kemungkinan sedemikian.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Tuan Speaker, soalan tambahan. Dalam *Report P.D.C., 1972*, ada ditunjukkan di sini, tetapi ianya menyatakan, saya ingat, 'halya'—h-a-l-y-a. *Ginger*, tetapi di-*spell* di sini 'halya'.

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Encik S. P. Chelliah): Bahasa Tonga.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Saya sudahpun mencari dalam *dictionary*, tetapi saya tidak boleh dapat word 'halya'. Saya hanya boleh dapat word 'halia'. Di sini, beliau berkata Kerajaan telah belanja dalam tahun 1971 sebanyak \$9,694 tetapi rancangan ini baru dipertimbangkan sebanyak \$10 sahaja. Kalau begini, bolehkah Yang Amat Berhormat Ketua Menteri memberitahu samada ini ialah satu projek yang semuanya sekali *completely* habis.

Tuan Speaker: Yang Berhormat Ahli daripada Bagan Jermal, saya tidak bemarkan soalan itu kerana Yang Amat Berhormat telah menjawab iaitu rancangan itu tidak berjaya dan dalam pertimbangan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Tidak berjaya, tetapi (*gangguan*).

Tuan Speaker: Report itu tahun 1972.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Tuan Speaker, saya hendak bertanya: Kalau semua ini tidak berjaya, itu satu perkara, tetapi *to completely flop*—semuanya habis sekali—ini tidak serupa.

Tuan Speaker: Yang Amat Berhormat telah menjawab ini dalam pertimbangan lagi. Jadi tidak payah lagi (*gangguan*).

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, kalau kita terima bahawa semuanya habis sekali—a *complete flop*—sayapun tidak tahu samada itu betul atau tidak. Tetapi saya menjawab yang berguna sahaja.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Tidak berjaya.

Ketua Menteri: Sebab dalam penyiasatan atau percubaan oleh Pejabat Pertanian, apa yang kita kaji masa itu ialah kita mencari adakah tempat-tempat dalam Negeri Pulau Pinang yang sesuai dan cukup luas untuk projek halia yang pada masa ini kita pertimbangkan. Tetapi projek halia yang bersangkutan dengan perindustrian halia tidak berjaya sebab tanah-tanah dalam Negeri Pulau Pinang tidak cukup luas. Tetapi siasatan-siasatan di mana-manapun bolehlah kita kira sebagai siasatan yang positif atau siasatan yang negatif. Itupun berguna, dan bukan a *complete flop* sebab dalam eksperimen-eksperimen sains, satu penyiasatan atau percubaan yang memberi keterangan boleh dikira sebagai satu kejayaan. Dan di sini ini adalah kejayaan, saya berharap Yang Berhormat Ahli daripada Kawasan Bagan Jermal jangan pusing balik ini. Kejayaan sebab pada masa sekarang apa yang kita dapat daripada percubaan-percubaan masa itu ialah, bagi Kerajaan Negeri, satu pengalaman yangmana dalam rancangan Buku Hijau kita boleh bertanya kepada rakyat—penduduk-penduduk—di manakah tempat-tempat yang sesuai dan di

manakah tempat yang tidak sesuai untuk tanaman halia. Tetapi dalam Negeri Pulau Pinang ada satu projek halia yang besar di mana kita mendapat satu tapak tanah yang lebih luas dari 250 ekar. Tanah yang semacam itu tidak ada lagi di Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Soalan kelimabelas, Tuan Speaker.

15. Memandangkan bahawa Yang Amat Berhormat Ketua Menteri telah memberi dua angka yang berlainan berkenaan dengan pekerja-pekerja yang telah dibuang kerja di dalam Negeri kita bagi mesyuarat Dewan yang lalu; satu diberi kepada saya sebagai 1,021 dan satu lagi yang diberi kepada Yang Berhormat Encik Md. Noor bin Ahmad sebagai 586, bolehkah Yang Amat Berhormat Ketua Menteri menerangkan kepada Dewan ini mengapa terdapat perbezaan ini dan memberitahu Dewan juga apakah bilangan yang sebenarnya tentang pekerja-pekerja yang telah dibuang kerja oleh kilang-kilang di dalam Negeri seperti pada 28.2.1975?
- (15. In view of the fact that the Honourable the Chief Minister has given two different figures as regards the retrenchment of workers in our State at the last sitting of this Assembly; one was given to me as 1,021 and the other was given to the Yang Berhormat Encik Md. Noor bin Ahmad as 586, will the Honourable the Chief Minister explain to this House why there is such a difference and also tell the house what is the actual number of workers being retrenched by the factories in the State as at 28.2.1975?)

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, bilangan sebenar pekerja-pekerja yang dibuang kerja yang telah diberikan dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri yang lepas ialah 1,021. Bilangan 586 yang telah diberikan dalam menjawab soalan Yang Berhormat Encik Md. Noor bin Ahmad berhubung dengan pembuangan pekerja-pekerja oleh setengah-setengah kilang. Bilangan pekerja-pekerja yang telah dibuang kerja oleh kilang-kilang dalam tahun ini sehingga 28hb Februari, ialah 1,321.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Tuan Speaker, soalan keenambelas.

16. Memandangkan bahawa Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan, Pulau Pinang, telah menyatakan tanpa meragu-ragu bahawa Lembaga tidak mempunyai sebarang rancangan untuk mengendalikan projek Stadium Tertutup dan juga bahawa Lembaga telah menyatakan di dalam Akhbar bahawa Kerajaan Negeri telahpun diminta untuk mengambil alih projek ini, bolehkah Yang Amat Berhormat Ketua Menteri memberitahu Dewan samada Kerajaan menimbangkan untuk mengambil alih projek ini bersama Kerajaan Persekutuan dan Lembaga?

(16. In view of the fact that the Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan, Pulau Pinang, has indicated without any uncertainty that the Lembaga has no plan to carry out the project of Indoor Stadium and also that the Lembaga has expressed in the Press that the State Government has been asked to take over this project, will the Honourable the Chief Minister tell the House whether the State Government will consider taking over this project in conjunction with the Federal Government and the Lembaga?)

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, Kerajaan Negeri belum lagi menerima pengesahan rasmi dari Lembaga. Yang Berhormat telah membaca dari akhbar.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Soalan tambahan, Tuan Speaker. Dengan izin: Does the State Government have any intention to take over this project from the *Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan, Pulau Pinang*? Any intention to take over the project of Indoor Stadium from the *Lembaga* due to the fact that the *Lembaga* is in great deficit in this year's budget? Has the Government any intention to take over?

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, keterangan dan soalan itu tidak bersangkutan dengan jawapan saya dan tidak bersangkutan dengan soalan yang ada. Ini soalan lain yang tidak bersangkutan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Soalan ketujuhbelas.

17. Memandangkan bahawa Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan, Seberang Perai, masih tidak dapat mencapai penyelesaian atas masalah-masalah pembuangan sampah di

Butterworth, akibatnya, sampah yang dikutip oleh Lembaga pada tiap-tiap hari telah dibuang di mana-mana tanah kosong yang Lembaga boleh cari, bolehkah Yang Amat Berhormat Ketua Menteri memberitahu Dewan samada beliau akan meminta Jabatan Perancang dan Kawalan Pembangunan Negeri untuk mengambil tindakan segera bagi membantu Lembaga dalam mengatasi masalah ini?

(17. In view of the fact that the Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan, Seberang Perai, is still unable to find solution to the scavenging disposal problems in Butterworth, as a result of which, rubbish collected by the Lembaga each day has been dumped on any vacant land that the Lembaga was able to find, will the Honourable the Chief Minister tell the House whether he will ask the State Planning and Development Control Department to take immediate action to help the Lembaga to solve this problem?)

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, Jabatan Perancang dan Kawalan Pembangunan Negeri tidak terlibat dalam tugas-tugas ini.

Tuduhan bahawa Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan, Seberang Perai, sedang menimbunkan sampah-sarap yang dikutip di atas sebarang tanah yang kosong, tidaklah benar. Sebaliknya sampah-sampah yang dikutip adalah ditimbunkan di kawasan Penimbunan yang dikhaskan yang diselenggarakan oleh Lembaga dengan sewajarnya. Lembaga sedang aktif berusaha merangka cara-cara untuk memperbaiki perkhidmatan-perkhidmatan mereka pada masa sekarang.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Tuan Speaker, soalan tambahan. Dengan izin: Has the Government (gangguan).

Tuan Speaker: Ahli Yang Berhormat, silalah soal dalam bahasa Kebangsaan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Bolehkah Yang Amat Berhormat Ketua Menteri memberitahu Dewan ini adakah Kerajaan Negeri satu *plan* untuk membeli satu *incinerator* bagi orang-orang di Butterworth, Seberang Perai, untuk membakar sampah-sampah dalam tong.

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, ini ialah sungguh-sungguh satu masalah di bawah kuasa Kerajaan Tempatan dan apa yang saya telah kata ialah Lembaga sedang berusaha dalam masalah-masalah yang berbangkit. Tetapi saya jawab soalan tambahan sungguhpun tidak bersangkut dengan soalan ini, Kedudukan sampah rumah/perusahaan pada masa sekarang adalah dalam bentuk-bentuk sedemikian yang tidak dapat dibuang dengan cara penimbunan. Dan Kerajaan Negeri, oleh hal yang demikian, adalah ingat ini perlu untuk menubuhkan satu kompleks membakar sampah yang disatukan bagi Negeri pada keseluruhannya. Ini ialah satu masalah Yang sungguh-sungguh mesti diambil keputusan oleh Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan, Seberang Perai.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Tuan Speaker, saya berharap Ahli Yang Berhormat daripada Sungai Bakap boleh menjawab soalan ini. Janganlah duduk di sana.

Soalan kelapanbelas, saya harap Ahli Yang Berhormat daripada Sungai Bakap sebagai Pengerusi boleh menjawab.

18. Bilakah gerabak-gerabak baru bagi Keretapi Bukit Bendera akan disediakan bagi diguna dan apakah jumlah harga-harga bagi penggantian gerabak-gerabak ini?
- (18. When will the new coaches for the Penang Hill Railway be ready for use and what will be the total cost for the replacement of these coaches?)

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, kuasa adalah dalam tangan saya dan saya yang boleh minta sesiapa dari rakan saya untuk menjawab soalan. Ini bukanlah kuasa Yang Berhormat Ahli daripada Bagan Jermal.

Di sini saya beri keterangan, apa yang saya akan jawab telahpun diambil persetujuan oleh rakan saya, Yang Berhormat daripada Sungai Bakap iaitu segala gerabak-gerabak baru untuk keretapi Bukit Bendera dijangka akan siap untuk digunakan menjelang awal tahun hadapan. Anggaran kos yang asal yang termasuk merombakkan ge-

rabak-gerabak yang sedia ada, memasang gerabak-gerabak yang baru serta mengubah dan membesarkan platform-platform ialah sebanyak \$600,000.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Tuan Speaker, soalan kesembilanbelas.

19. Apakah hasil kajian aktif atas projek Jalan Bukit Bendera dan samada Kerajaan Negeri mempunyai sebarang rancangan untuk melaksanakan projek Jalan Bukit Bendera di dalam tahun 1975 dan 1976?
- (19. Will the Honourable the Chief Minister tell the House what is the outcome of the active study on the Penang Hill Road project and whether the State Government has any plan to implement the Penang Hill Road project in 1975 and 1976?)

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, Kerajaan Negeri telah memutuskan bahawa jalan ke Bukit Bendera hendaklah dibina menggunakan aliran selatan yang bermula dari kawasan Ayer Itam. Jauh jalan ini ialah kira-kira 12.75 batu dan harga pembinaannya dianggarkan sebanyak \$15 juta.

Oleh kerana keadaan stagflasi dan keadaan ekonomi dunia pada hari ini, maka projek ini tidaklah diberi keutamaan yang tinggi.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): Soalan tambahan, Tuan Speaker. Bolehkah Yang Amat Berhormat Ketua Menteri memberitahu berapa banyakkah wang telah dibelanjakan untuk siasatan projek ini?

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, ini ialah satu soalan lain yang teliti yang saya minta dinotiskan dan saya berharap Yang Berhormat Ahli daripada Kawasan Bukit Mertajam minta soalan yang lain.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Soalan kedua puluh, Datuk Speaker.

20. Mengapa Kerajaan Negeri dengan tiba-tiba telah memberhentikan amalan tahun lalu untuk membahagikan Bantuan Buku Teks kepada berbagai-bagai Sekolah dalam Negeri kita dan juga mengapa Kerajaan Negeri masih belum lagi membuat peruntukan bagi Bantuan Buku Teks pada tahun ini?

- (20. Will the Hon. the Chief Minister tell the House why the State Government has suddenly departed from the last year's practice of distributing Book Aid Fund to various schools in our State and also why the State Government has not made provision for Book Aid Fund this year?)

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, inilah yang saya katakan; bukan saya hendak hantar Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Bagan Jermal sampai ke Tonga atau Peking. Tetapi saya telah menerangkan ini dengan jelas kepada Dewan pada mesyuarat Dewan Undangan Negeri yang lalu. Tanggungjawab untuk memberikan Bantuan Buku kepada sekolah-sekolah dalam Negara ini telah diambilalih oleh Kementerian Pelajaran dan Kerajaan Negeri tidak ingin meniru tugas ini. Walaupun tidak ada sebarang peruntukan tertentu yang telah dibuat bagi Bantuan Buku, namun bantuan boleh dipertimbangkan dalam keadaan-keadaan istimewa melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat di bawah Peruntukan Kebajikan Am.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Datuk Speaker, soalan tambahan. Tahun dahulu, tahun 1974, Ahli Yang Berhormat dari Datuk Keramat telah memberi wang bagi membeli buku untuk murid-murid miskin, dalam bulan Februari atau bulan Mac. Tahun ini perkara ini tidak ada—a complete flop again. Datuk Speaker, soalan tambahan saya ialah, saya mahu tahu sebab apa dalam tahun 1974 Kerajaan Negeri boleh beri \$130,000 untuk buku-buku kepada murid-murid miskin, tetapi tahun ini, tahun 1975, Kerajaan Negeri tidak boleh beri *even* satu sen? Sebab apa? Kalau *law*, undang-undang, boleh bagi kuasa kepada Kerajaan dalam perkara ini—beri bantuan kepada budak-budak miskin tahun lalu—sebab apa tahun ini kita tidak boleh dapat?

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, ini saya telah jawab dengan terang, tidak payah Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Bagan Jermal selalu berkata flip-flop, flip-flop, flip-flop, bukan flop sahaja, tetapi flip-flop.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Dia tidak jawab. Jawapannya hanya Kementerian Pelajaran, the Ministry of Education has taken over. But my supplementary question is: Why we can provide \$130,000? Why not this year? I want to know the reason. Is it prohibited by the Ministry of Education. Is that the instruction from the Kerajaan Pusat?

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Encik S. P. Chelliah): You said it has been taken over by the Ministry of Education.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Stand up please. If you want to answer, please stand up.

Ahli Kawasan Sungei Bakap (Encik S. P. Chelliah): Use your commonsense.

Tuan Speaker: Ahli Yang Berhormat dari Bagan Jermal, Yang Amat Berhormat sudah jawab.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Tidak boleh jawab O.K. Kalau tidak boleh jawab, baik, terimakasih.

Ketua Menteri: Bukan tidak boleh jawab, telah jawab. Tetapi kalau dia tidak boleh faham saya tak tahulah.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Datuk Speaker, soalan kedua puluh satu.

21. Memandangkan bahawa Y.A.B. Ketua Menteri telah memberitahu Dewan ini pada mesyuarat lalu bahawa Bantuan Buku Teks kini adalah diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan, bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Majlis ini apakah jumlah Pemberian daripada pihak Kerajaan Persekutuan kepada Negeri kita bagi Bantuan Buku Teks untuk tahun 1975?

- (21. In view of the fact that the Hon. the Chief Minister has told this House at the last sitting that the Book Aid Fund is now being left to the Federal Government, will the Hon. the Chief Minister tell this House what is the total Grant from the Federal Government to our State for the Book Aid Fund for the year of 1975?)

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, di sinilah kita nampak macamana Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Bagan Jermal langsung tidak faham perkara ini.

Bantuan Buku Teks adalah disediakan oleh pihak Kementerian Pelajaran dan Kerajaan Negeri tidak menerima sebarang bantuan daripadanya.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Soalan kedua puluh dua.

22. Apakah peruntukan bagi tahun 1975 untuk bantuan Buku Teks dalam keadaan-keadaan khas yang patut menerima dan yang mana tidak di-biayai oleh bantuan Persekutuan dan berapa banyakkah bantuan tersebut telah dibahagikan setakat ini?

(22. Will the Hon. the Chief Minister tell the House what is the provision for 1975 for text book aid in special circumstances which are deserving and have not been covered by the Federal aid and how much of this aid has been distributed so far?)

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, tidak ada sebarang peruntukan wang yang disediakan tetap untuk bantuan ini. Tetapi apa-apa bantuan buku yang diperlukan akan diberikan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat daripada peruntukan bagi Kebajikan Am. Setakat ini tiada apa-apa permohonan yang diterima untuk bantuan buku-buku teks dalam keadaan-keadaan yang istimewa.

Dewan ditangguhkan pada jam 3.55 petang.

Dewan bersidang semula pada jam 4.20 petang.

(IV) Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali) bertanya kepada Ketua Menteri:

Datuk Speaker, soalan pertama.

1. Berapa luaskah tanah-tanah bendang yang telah diambil oleh Kerajaan untuk projek Perairan Muda (P.B.A.) di Sungai Dua?

(1. What is the acreage of padi-lands taken by the Government for the Muda Irrigation Project in Sungai Dua?)

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, lebihkurang 32.49 ekar tanah bendang telah diambil oleh Kerajaan bagi projek Sungai Muda.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali): Tuan Yang Dipertua, soalan yang kedua.

2. Berapakah bilangan keluarga yang telah hilang mata pencarian oleh kerana projek ini?

(2. How many families have lost their livelihood as a result of the said project?)

Ketua Menteri: 15 keluarga telah terlibat.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Tuan Speaker, soalan tambahan. Adakah apa-apa *compensation* bagi 15 orang untuk membela *their livelihood*? Ada *compensation* kah?

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, ini dijalankan mengikut undang-undang yang kita ada dan dasar kita.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali): Soalan yang ke tiga.

3. Adakah Kerajaan (Kerajaan Gerakan pada masa itu) pernah membuat janji dengan keluarga-keluarga yang terlibat itu untuk diberi pekerjaan?

(3. Did the Government (Gerakan Government then) make any promise to the families involved that they will be given job opportunities?)

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, "Tidak". Kerajaan dikehendaki di bawah undang-undang membayar ganti-rugi yang berpatutan yangmana telahpun dibuat. Tambahan kepada ini, Kerajaan telah membayar sagu-hati kepada penduduk-penduduk yang bukan tuan-tuan tanah.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali): Datuk Yang Dipertua, soalan yang keempat.

4. Jika Kerajaan berkata tidak, adakah Kerajaan tahu bahawa seorang pemimpin Kerajaan (Gerakan) yang ditugaskan oleh Kerajaan untuk menghubungi keluarga-keluarga yang terlibat telah memberi jaminan kepada mereka bahawa Kerajaan akan memberi pekerjaan yang munasabah kepada mereka sebagai ganti hilangnya mata pencarian mereka.

- (4. If the Government did not, then is the Government aware that one Government leader (Gerakan) who was entrusted by the Government to meet these families involved, has made a promise to them that the Government will give them suitable jobs as an alternative for the loss of their livelihood.)

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, Kerajaan telah sedar tentang janji ini. Barangkali orang tersebut—sebab namanyapun tidak ada—hanya mungkin memberi perkhidmatannya sendiri.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali): Oleh kerana jawapan sudah jelas tidak mustahak lagi soalan-soalan yang lain.

Tuan Speaker: Yang Berhormat, tolong (gangguan).

